

19 DEC 1998

MALAYSIA-SALAH ANGGAP/I

MALAYSIA DISALAH ANGGAP OLEH DUNIA, KATA OHMAE

Oleh: Siti Hawa Othman

CYBERJAYA, 19 Dis (Bernama) -- Dalam usaha untuk bersaing dengan keseluruhan negara lain dalam dunia tanpa sempadan, sesebuah negara itu terpaksa berdepan dengan risiko berterusan dan bagi Malaysia, ia adalah risiko yang disalah anggap oleh negara-negara lain di dunia ini, kata penulis terkenal Jepun Kenichi Ohmae.

Selain daripada itu, masalah ekonomi, pembangunan dan isu-isu dalaman Malaysia telah disalah tafsir beberapa kali dan laporannya diselewengkan oleh pihak media asing dan menambah apa yang diperlukan oleh negara kini adalah perhubungan yang lebih baik.

"Saya telah menulis buku mengenai dunia tanpa sempadan sejak 10 tahun lalu. Ia adalah satu proses yang tidak dapat dielakkan. Pada satu tahap ketika anda mahu menyaingi ekonomi dengan ekonomi lain di seluruh dunia, anda akan berdepan dengan risiko berterusan seumpama ini. Risiko Malaysia adalah risiko yang disalah faham oleh seluruh dunia," tambahnya.

Juga, terdapat salah tafsiran dalam kes bekas timbalan perdana menteri terutamanya oleh media dari Amerika Syarikat dan Eropah.

Terdapat juga salah tafsiran terhadap pelaburan dalam bangunan komersial dan hotel di Kuala Lumpur, katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Pusat MTT-MSC di sini hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata "anda sepatutnya berfikir daripada sudut positif dan kemajuan yang telah dibuat 15 tahun lalu dan kemudiannya anda akan berpuas hati.

Ohmae hari ini membuat rakaman video wawancaranya dengan Dr Mahathir mengenai kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan untuk menjelaskan salah anggap terhadap Malaysia yang akan disiarkan dalam televisyen Jepun.

Ohmae yang berada dalam Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) berkata MSC adalah penting dan Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia ini yang akan melaksanakan kerjanya berasaskan kepada kuasa maklumat.

Kabinet dan Multimedia Development Corp (MDC) telah menjelaskan MSC akan mencapai kejayaan dan menggalakkan golongan muda menyertai projek itu.

"Saya akan memberitahu rakyat Jepun mengenai perkembangan yang dibuat oleh MSC dalam tujuh bulan pertama lalu. Saya menghadiri mesyuarat IAP pada Februari lalu. Saya tidak pernah terfikir anda akan mampu membina jalan laluan masuk, menubuhkan pusat ini dan Universiti Multimedia" katanya.

Beliau berkata terdapat keperluan untuk memaklumkan mengenai perkembangan yang terdapat di sini kerana perkara-perkara mengenai MSC, Putrajaya, dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) tidak dilaporkan dengan baik di Jepun.

--BERNAMA

SHO ZK